

**KERTAS KERJA CADANGAN SKIM PERKHIDMATAN
PRAMUGARA / PRAMUGARI
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Disediakan oleh
Haszemi bin Mat Yassin
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



KANDUNGAN

1	Ringkas Eksekutif	1
2	Pendahuluan	2
3	Objektif	2
4	Pengenalan	3 – 4
	- Bahagian Gerakan	4
	- Tugas dan Tanggungjawab	4
	- Pegawai dan Kakitangan Bahagian Gerakan	5
	- Tugas dan Tanggungjawab Jawatan-Jawatan Berkaitan Pramugara / Pramugari	5 – 6
	- Kursus Pramugara / Pramugari	6 – 7
5	Keadaan Masa Kini	7
6	Cadangan Skim Perkhidmatan	8
	- Cadangan Skim Perkhidmatan (Perubahan Gelaran Jawatan)	9 – 19
	- Cadangan Skim Perkhidmatan (Gelaran Jawatan Yang Sedia Ada)	20 – 45
7	Rumusan	46

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jawatan Pramugara / Pramugari di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah salah satu kerjaya dibawah Perkhidmatan Awam. Segala pengurusan berkaitan jawatan-jawatan tersebut seperti pengiklanan, pengambilan baru, kenaikan pangkat dan sebagainya adalah tertakluk dibawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awan Penggal 1983 dan segala peraturan yang berkuatkuasa.

Memainkan peranan penting dalam memastikan segala persediaan setiap penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat Diraja ditahap yang optimum dari aspek keselamatan, keselesaan dan kemudahan. Pramugara / Pramugari juga dikehendaki untuk mengikuti kursus-kursus wajib bagi memenuhi kompetensi dan mempertingkatkan pengetahuan dari masa kesemasa.

Kertas cadangan ini bertujuan untuk mengwujudkan dan mengemaskinikan Skim Perkhidmatan jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari selaras dengan kehendak dan keperluan terkini, aliran kerjaya yang bersistematik dan telus serta perancangan penggantian lebih teratur.

PENDAHULUAN

Kertas cadangan bagi permohonan pengwujudan skim-skim perkhidmatan jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyediakan satu skim perkhidmatan yang lengkap bagi membolehkan proses kenaikan pangkat pegawai-pegawai di Pejabat ini dibuat dengan terarah dan bersistematik.

Pengwujudan skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari adalah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- Ketiadaan skim perkhidmatan yang khusus bagi jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari sebagai panduan untuk proses-proses pengambilan baru untuk mengisikan kekosongan jawatan, kenaikan pangkat yang lebih bersistematik dan perancangan penggantian (*succession planning*),
- Jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diiktiraf sebagai jawatan di dalam Perkhidmatan Awam,
- Syarat-syarat minimum kelayakan yang diperlukan bagi menjawat jawatan Pramugara / Pramugari mengikut kehendak dan keperluan semasa dengan tanggagaji yang diberikan setimpal dengan tugas dan tanggungjawab yang dipikul.

OBJEKTIF

Objektif kertas ini disediakan adalah;

- Untuk mengwujudkan dan mengemaskinikan Skim Perkhidmatan berkaitan jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari di Pejabat ini;
- Untuk memudahkan proses-proses pengambilan baru samada calon tempatan atau luar negara sesuai dengan kelulusan atau pengalaman yang dimiliki, kenaikan pangkat, pemberian tanggagaji yang lebih teratur;
- Pengiktirafan jawatan-jawatan Pramugara / Pramugari sebagai jawatan dibawah Perkhidmatan Awam di negara ini;
- Menjadikan jawatan Pramugara / Pramugari sebagai kerjaya professional.

PENGENALAN

Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kementerian Kewangan

Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mulai pada 12 September 1998 segala pengurusan pegawai dan kakitangannya adalah seperti perkhidmatan awam lainnya. Ianya tertakluk dibawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83, Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Peraturan Kewangan Tahun 1983, Surat-Surat Keliling Kementerian Kewangan, Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharan dan segala peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Dalam perkara ini, lantikan-lantikan perkhidmatan pegawai dan kakitangan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia samada ianya dalam pekhidmatan Tetap, Berkontrak, Open Vote dan Bergaji Hari perlu melalui proses-proses Jabatan Perkhidmatan Awam. Termasuk permohonan-permohonan bagi penyambungan atau menamatkan perkhidmatan, sokongan penetapan jawatan atau kenaikan pangkat dan sokongan bagi tindakan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan yang melanggar peraturan dan sebagainya.

Bagi pengurusan berkaitan hal ehwal kewangan perlu dihadapkan ke Jabatan Perbendaharaan antaranya seperti pemberian Elaun Sara Hidup, Kurnia Elaun Khas, Elaun dari Rumah ke Pejabat, Elaun Tambang dan Elaun Pelajaran serta kemudahan-kemudahan seperti Pinjaman Wang Pendahuluan bagi Membeli Kenderaan dan Pinjam Rumah.

Untuk proses pengambilan pegawai dan kakitangan baru ianya melalui pengiklanan jawatan-jawatan kosong, ujian bertulis dan temuduga. Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dikehendaki untuk memohon pengiklanan samada secara terbuka, dalaman Pejabat atau terbuka kepada perkhidmatan awam sahaja. Segala permohonan berkenaan akan diselaraskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai visi dan misi seperti berikut:-

Visi

Untuk Menjadi Simbol Terunggul Pemerintah Negara Melayu Islam Beraja.

Misi

*Untuk Memberi Perkhidmatan Terbaik Dengan Mengutamakan Piawaian Keselamatan
Penerbangan Yang Terbaik Bagi Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Kerabat-Kerabat DiRaja*

Pejabat ini mempunyai seramai lima ratus sebelas (511) pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Pejabat ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu: -

1. Bahagian Pentadbiran;
2. Bahagian Kewangan;
3. Bahagian Gerakan;
4. Bahagian Pemeliharaan Aset.

Struktur Organisasi Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (**Lampiran 1**)

Bahagian Gerakan

Bahagian Gerakan memainkan peranan penting di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaras dengan misi Pejabat iaitu memastikan setiap penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat Diraja diberikan tahap perkhidmatan yang efisien, teratur dan dalam keadaan selamat (*safety and security*).

Dibawah bahagian Gerakan terbahagi kepada tiga unit iaitu;

1. Unit Kawalan Bilik Gerakan
2. Unit Kabin Krew
3. Unit Dry Store, Amenities & Entertainment

Tugas dan Tanggungjawab.

Antara tugas dan tanggungjawab Bahagian Gerakan seperti berikut;

- Mengawal, mengatur dan memantau segala pergerakan udara dalam dan luar negara;
- Penghubung bagi agensi-agensi kerajaan, kedutaan-kedutaan luar dan dalam negara serta Ground Handler;
- Merancang kos dan perbelanjaan setiap penerbangan;
- Bertanggungjawab ke atas pesawat, juruterbang, jurutera, anak kapal, pramugara dan pramugari, pusat operasi, kemudahan dan hiburan;
- Menyelaras, mengawal dan memantau latihan dan operasi penerbangan;
- Mengenalpasti, merancang dan menyelaras latihan-latihan yang diperlukan serta mengendalikan latihan dalam pekerjaan (OJT) dan latihan *refresher* bagi pegawai dan kakitangan terutama kabin krew;

Pegawai dan kakitangan Bahagian Gerakan

Bahagian Gerakan menurut Peruntukan Tahun Kewangan 2017/2018 mempunyai 18 gelaran jawatan dan jumlah keseluruhan jawatan sebanyak 144 jawatan. Jawatan-jawatan yang melibatkan tugas sebagai pramugara atau pramugari seperti berikut;

1. Ketua Penyelia Penerbangan, B3
2. Timbalan Ketua Penyelia Penerbangan, B2
3. Penyelia Penerbangan, B2
4. Ketua Pramugara dan Pramugari, B2
5. Pramugari Tingkat Khas Kanan, B2 EB3/B2
6. Pramugara Tingkat Khas, B2
7. Pramugara Tingkat I, C3-4 EB5
8. Pramugara, C1-2 EB3
9. Pramugari, C1-2 EB3

Tugas dan Tanggungjawab Jawatan-Jawatan Berkaitan Pramugara / Pramugari

Antara tugas dan tanggungjawabnya seperti berikut;

- Bertanggungjawab dan menentukan polisi-polisi dan arahan gerakan bagi anak buah kapal dilaksanakan dengan teratur dan efektif dan mengawasi kelincinan semua aspek persediaan sebelum sesuatu penerbangan Diraja dan membuat laporan bertulis kepada Pengurus Gerakan dalam hal-hal yang berkaitan mengenainya;
- Mempastikan dan mensahkan menu santapan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta Kerabat Diraja menurut piawaian keselamatan dan kualiti permakanan;
- Menyajikan santapan bagi kerabat Diraja semasa dalam penerbangan;
- Membuat tugas-tugas penerbangan helikopter sebagai "crewmen" dan sebagai "Flight Attendant" di pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
- Bertanggungjawab memberikan taklimat penerbangan sebelum membuat penerbangan termasuk langkah-langkah keselamatan dan kesejahteraan ke atas anak buah kapal;
- Bertanggungjawab mendapatkan kedudukan kabin krew bertugas dalam pesawat termasuk penyediaan katering, passport, kedudukan penumpang, tugas pengendalian audio, video dan pengendalian kargo;
- Menentukan kebersihan semua pesawat-pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada setiap masa, dan mengendalikan serta menjaga semua harta-benda pesawat termasuk perkakas amenities, alat hiburan penerbangan dan stor bekalan simpanan bagi setiap pesawat;

- Bertanggungjawab menjaga, memeriksa dan memantau kebersihan dan kelengkapan kesemua pesawat setiap masa;
- Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan memberikan perkhidmatan kabin yang terbaik untuk semua penumpang;
- Bertanggungjawab mengemas kinikan kabin sebelum kedatangan para penumpang.

Kursus Pramugara / Pramugari

Brunei Aviation Requirements (BARs) BAR 1 Part CC Cabin Crew selaras dengan kehendak *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 1* menekankan keperluan-keperluan untuk menjadi kabin krew.

Untuk menjadi sebagai pramugara / pramugari dan seterusnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab jawatan tersebut adalah dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang telah ditetapkan. Antara kursus-kursus yang perlu diikuti seperti berikut;

- Crew Resource Management;
- Safety Equipment Procedure;
- First Aid Course;
- Protocol Course;
- Security Aviation;
- Safety Risk Management.

Tanpa mengikuti kursus-kursus berkenaan ianya tidak layak untuk diaturkan sebagai pramugara / pramugari. Dengan mengikuti kursus-kursus tersebut pramugara / pramugari berkenaan akan lebih memahami dan mengetahui tugas-tugas yang akan dilaksanakan nanti seperti berikut;

1. Aspek keselamatan umum dalam penerbangan, termasuk kesedaran mengenai peruntukan yang ditetapkan dalam undang-undang negara;
2. Pengetahuan umum tentang peraturan penerbangan dan perkara-perkara berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab yang diperlukan bagi kabin krew;
3. Meneruskan kecekapan dan kecergasan untuk beroperasi sebagai anggota kabin krew, termasuk mengenai penerbangan dan had masa tugas dan keperluan rehat;
4. Tugas dan tanggungjawab kabin krew semasa operasi dan keperluan untuk bertindak segera semasa keadaan kecemasan;
5. Anggota kabin krew perlu mengetahui tanggungjawab masing-masing semasa pemindahan dan prosedur kecemasan lain;
6. Kaedah yang digunakan untuk memotivasi dan mengawal para penumpang untuk mempercepat pemindahan kecemasan;

7. Kepentingan komunikasi yang berkesan antara kabin krew dan kru penerbangan, termasuk teknik komunikasi, bahasa dan istilah umum (*terminology*);
8. Penggunaan peralatan yang sesuai termasuk pertolongan cemas bagi oksigen, kit pertolongan cemas dan kit perubatan kecemasan;
9. Latihan survival bagi kelangsungan hidup dalam persekitaran seperti padang pasir, hutan, laut jika menghadapi sebarang kemalangan.
10. Latihan praktikal penggunaan peralatan pengapungan di dalam air dan penggunaan slaid.

Keadaan Masa Kini

Hasil penelitian ke atas skim-skim perkhidmatan yang sedia ada berkaitan dengan jawatan-jawatan pramugara / pramugari didapati beberapa penemuan;

1. Terdapat 3 jawatan sahaja yang mempunyai skim perkhidmatan iaitu *Chief Purser To His Majesty* (Ketua Penyelia Pramugara/Pramugari), Penyelia Pramugara/Pramugari dan Pramugara/Pramugari;
2. Skim perkhidmatan perlu diselaraskan dengan mengikut garis panduan skim perkhidmatan yang terkini;
3. Sebahagian jawatan yang dipegang pada masa ini tidak mempunyai skim perkhidmatannya iaitu Ketua Penyelia Penerbangan, Timbalan Penyelia Penerbangan, Ketua Pramugara dan Pramugari, Pramugari Tingkat Khas Kanan dan Pramugara Tingkat Khas;
4. Gelaran jawatan perlu diseragamkan;
5. Sebahagian tanggagaji jawatan berkenaan terutama dalam Bahagian II didapati tidak selaras;
6. Aliran kerjaya yang tidak teratur menyebabkan kesukaran bagi kenaikan pangkat dan sebagainya;

Dengan penemuan-penemuan ini, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia perlu mengwujudkan dan mengemaskinikan lagi skim-skim perkhidmatan Pramugara / Pramugari dengan mengikut garis panduan Skim Perkhidmatan, mengambil kira keperluan dan kehendak semasa serta minimum kelayakan yang bersesuaian.

Cadangan Skim Perkhidmatan.

Cadangan skim perkhidmatan ini adalah dihasratkan untuk menarik minat calon-calon tempatan yang berpotensi, mempunyai kelulusan-kelulusan akademik seperti Diploma Tertinggi Kebangsaan/Advance Diploma, Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian atau mempunyai pengalaman sebagai pramugara / pramugari di syarikat-syarikat penerbangan atau sebagai anak kapal di tentera udara. Ianya juga dihasratkan untuk menarik minat pekerja-pekerja asing yang berkelayakan dan berpengalaman sebagai pramugara / pramugari untuk diambil berkhidmat secara berkontrak.

Dengan adanya skim perkhidmatan itu nanti untuk memberi galakan kepada pegawai dan kakitangan bagi meneruskan kerjaya mereka sebagai pramugara / pramugari di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Untuk menjadikan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman memerlukan pelaburan dari segi kewangan dan masa yang panjang.

Cadangan skim perkhidmatan ini akan menggariskan laluan kerjaya yang lebih teratur. Kenaikan pangkat akan diberikan keutamaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan. Ini juga memudahkan dalam penyediaan perancangan penggantian.

Ini juga akan memudahkan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengiklankan jawatan-jawatan tersebut menurut kehendak Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam.

Perubahan gelaran jawatan yang dicadangkan dalam skim perkhidmatan ini adalah bagi memudahkan, dan keseragaman dengan jawatan-jawatan yang ada dalam perkhidmatan awam. Cadangan gelaran jawatan yang dimaksudkan seperti berikut;

- a) Ketua Pegawai Pramugara dan Pramugari, B3
- b) Pegawai Pramugara / Pramugari, B2 EB3 / B2
- c) Pramugara / Pramugari Tingkat I, C3-4 EB5
- d) Pramugara / Pramugari Tingkat II, C1-2 EB3


Tertakluk kepada pemegang jawatan jika ianya lelaki maka gelaran jawatan yang akan dijawat seperti Pramugara Tingkat I, Pramugara Tingkat II atau Pegawai Pramugara dan sebaliknya jika ianya perempuan. Manakala tanggagaji bagi setiap jawatan berkenaan tidak membabitkan sebarang perubahan atau tambahan peruntukan.

Dalam kertas kerja ini juga dicadangkan skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang sedia ada. Skim-skim perkhidmatan yang dimaksudkan seperti berikut;

- a) Ketua Penyelia Penerbangan, B3
- b) Timbalan Ketua Penyelia Penerbangan, B2
- c) Penyelia Penerbangan, B2
- d) Ketua Pramugara dan Pramugari, B2
- e) Pramugari Tingkat Khas Kanan, B2 EB3/B2
- f) Pramugara Tingkat Khas, B2
- g) Pramugara Tingkat I, C3-4 EB5
- h) Pramugara / Pramugari C1-2 EB3

**CADANGAN
SKIM PERKHIDMATAN
DENGAN PERUBAHAN
GELARAN JAWATAN**

ALIRAN KERJA
JAWATAN PRAMUGARA / PRAMUGARI



SKIM PERKHIDMATAN

1. JAWATAN	: Ketua Pegawai Pramugara dan Pramugari
2. BAHAGIAN	: II
3. TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880.00 - \$4,240.00 Sebulan)
4. JABATAN / KEMENTERIAN	: Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
 - i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Mempunyai kelulusan yang bersesuaian dan lebih tinggi adalah satu
 - ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Pramugara / Pramugari atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji B2 EB3 selama 6 tahun.

ATAU

- iv) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Pramugara / Pramugari atau jawatan yang bersesuaian dalam tangggaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- v) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji B2 selama 9 tahun
- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Bertugas sebagai "Chief Purser To His Majesty".
- b. Bertanggungjawab dan menentukan polisi-polisi dan arahan gerakan bagi anak buah kapal dilaksanakan dengan teratur dan efektif dan mengawasi kelincinan semua aspek persediaan sebelum sesuatu penerbangan Diraja dan membuat laporan bertulis kepada Pengurus Gerakan dalam hal-hal yang berkaitan mengenainya.
- c. Menyajikan santapan bagi kerabat Diraja semasa dalam penerbangan.
- d. Membuat tugas-tugas penerbangan helikopter sebagai "crewmen" dan sebagai "Flight Attendant" di pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- e. Bersedia menerima arahan dari Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk pegawai atasan dari masa ke semasa.
- f. Bertanggungjawab sebagai 'Accountable Officer' dalam penerbangan bagi perkhidmatan krew.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- a. Ketua Pegawai Pramugara dan Pramugari yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Ketua Pegawai Pramugara dan Pramugari yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

9. KURSUS / LATIHAN

Ketua Pegawai Pramugara dan Pramugari adalah dikehendaki untuk mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PERKHIDMATAN

- | | |
|---------------------------------|---|
| 1. JAWATAN | : Pegawai Pramugara / Pramugari |
| 2. BAHAGIAN | : II |
| 3. TANGGAGAJI | : B.2 EB.3 (\$2,270.00 - \$4,240.00 Sebulan)
B.2 (\$2,270.00 - \$3,760.00 Sebulan) |
| 4. JABATAN / KEMENTERIAN | : Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia |
-

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

TANGGAGAGI B2 EB3

- c. i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian dan lebih tinggi adalah satu kelebihan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji B2 EB3 selama 6 tahun.

TANGGAGAJI B2

- c. i) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pramugara / Pramugari Tingkat I dalam tanggagaji C.3 tidak kurang selama 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pramugara / Pramugari Tingkat I dalam tanggagaji C.3 tidak kurang selama 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji C.3 selama 9 tahun.
- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Menguruskan dan menyediakan perancangan bagi urusan-urusan katering dalam dan luar negeri.
- b. Membuat lawatan-lawatan ke dapur-dapur katering di luar negeri bagi memastikan kebersihan, kehalalan dan keselamatan makanan sebelum diterima untuk penyediaan makanan dalam pesawat.
- c. Menguruskan dan menyediakan hiburan (majalah hiburan, tayangan video, audio bagi kegunaan penerbangan).
- d. Pegawai Pramugara / Pramugari (Lelaki) adalah bertanggungjawab sebagai Krewman Helikopter / Jurulatih Krewman/ Jurulatih Kabin Krew.

- e. Bersedia menerima arahan dari Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk pegawai atasan dari masa ke semasa.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- a. Pegawai Pramugara / Pramugari yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Pegawai Pramugara / Pramugari yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

9. KURSUS / LATIHAN

Pegawai Pramugara / Pramugari adalah dikehendaki untuk mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PERKHIDMATAN

1. JAWATAN	: Pramugara / Pramugari Tingkat I
2. BAHAGIAN	: III
3. TANGGAGAJI	: C.3-4 EB.5 (\$1,990.00 - \$2,970.00 Sebulan)
4. JABATAN / KEMENTERIAN	: Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
 - i) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah satu kelebihan

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pramugara / Pramugari dalam tanggagaji C.1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji C.1 selama 6 tahun.

- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Menentukan polisi-polisi dan arahan gerakan bagi semua Pramugara/Pramugari dilaksanakan dengan teratur dan efektif. Mengawasi kelincinan semua aspek persediaan penerbangan dan menyediakan laporan bertulis mengenainya.
- b. Membuat giliran bertugas dan perancangan latihan serta pentadbiran bagi semua Pramugara/Pramugari.
- c. Bertanggungjawab sebagai Pramugara / Pramugari Tingkat II dalam penerbangan.
- d. Bersedia menerima arahan dari Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk pegawai atasan dari masa ke semasa.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- a. Pramugara / Pramugari Tingkat I yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Pramugara / Pramugari Tingkat I yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

9. KURSUS / LATIHAN

Pramugara / Pramugari Tingkat I adalah dikehendaki untuk mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PERKHIDMATAN

1. JAWATAN	: Pramugara / Pramugari Tingkat II
2. BAHAGIAN	: III
3. TANGGAGAJI	: C.1-2 EB.3 (\$1,280.00 - \$2,270.00 Sebulan)
4. JABATAN / KEMENTERIAN	: Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c. i) Mempunyai Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) dalam Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah satu kelebihan

ATAU

- ii) Telah berkhidmat sebagai anak buah pesawat di Tentera Udara Diraja Brunei selama 6 tahun

ATAU

- iii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji D1 selama 6 tahun.
- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Membuat tugas-tugas sebagai Pramugara / Pramugari Tingkat II kepada semua penumpang-penumpang pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- b. Menentukan kebersihan semua pesawat-pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada setiap masa, dan mengendalikan serta menjaga semua harta-benda pesawat termasuk perkakas *amenities*, alat hiburan penerbangan dan stor bekalan simpanan bagi setiap pesawat.
- c. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan memberikan perkhidmatan kabin yang terbaik untuk semua penumpang.
- d. Bertanggungjawab mengemaskinikan kabin sebelum kedatangan para penumpang.
- e. Bertanggungjawab menjaga, memeriksa dan memantau kebersihan dan kelengkapan kesemua pesawat setiap masa.
- f. Bertanggungjawab menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta ahli kerabat dalam setiap penerbangan.
- g. Bertanggungjawab membantu dan memberi sokongan sesama krew dan pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- h. Bersedia menerima arahan dari Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk pegawai atasan dari masa ke semasa.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN


- a. Pramugara / Pramugari Tingkat II yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Pramugara / Pramugari Tingkat II yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

9. KURSUS / LATIHAN

Pramugara / Pramugari Tingkat II adalah dikehendaki untuk mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

**CADANGAN
SKIM PERKHIDMATAN
BAGI JAWATAN-
JAWATAN SEDIA ADA**

ALIRAN KERJA
JAWATAN PRAMUGARA / PRAMUGARI



SKIM PERKHIDMATAN

1. JAWATAN	: Ketua Penyelia Penerbangan
2. BAHAGIAN	: II
3. TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880.00 - \$4,240.00 Sebulan)
4. JABATAN / KEMENTERIAN	: Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c. i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Mempunyai kelulusan yang bersesuaian dan lebih tinggi adalah satu kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Timbalan Ketua Penyelia Penerbangan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji B2 EB3 selama 6 tahun.

ATAU

- iv) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Timbalan Ketua Penyelia Penerbangan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangggaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- v) Telah berkhidmat sebagai Pramugara / Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei atau mana-mana syarikat penerbangan dalam tanggagaji B2 selama 9 tahun

- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Bertugas sebagai "Chief Purser To His Majesty".
- b. Bertanggungjawab dan menentukan polisi-polisi dan arahan gerakan bagi anak buah kapal dilaksanakan dengan teratur dan efektif dan mengawasi kelincinan semua aspek persediaan sebelum sesuatu penerbangan Diraja dan membuat laporan bertulis kepada Pengurus Gerakan dalam hal-hal yang berkaitan mengenainya.
- c. Menyajikan santapan bagi kerabat Diraja semasa dalam penerbangan.
- d. Membuat tugas-tugas penerbangan helikopter sebagai "crewmen" dan sebagai "Flight Attendant" di pesawat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- e. Bersedia menerima arahan dari Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk pegawai atasan dari masa ke semasa.
- f. Bertanggungjawab sebagai 'Accountable Officer' dalam penerbangan bagi perkhidmatan krew.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- a. Ketua Penyelia Penerbangan yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Ketua Penyelia Penerbangan yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

9. KURSUS / LATIHAN

Ketua Penyelia Penerbangan adalah dikehendaki untuk mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PERKHIDMATAN

- | | |
|---------------------------------|---|
| 1. JAWATAN | : Timbalan Ketua Penyelia Penerbangan |
| 2. BAHAGIAN | : II |
| 3. TANGGAGAJI | : B.2 EB.3 (\$2,270.00 - \$4,240.00 sebulan)
B.2 (\$2,270.00 - \$3,760.00 sebulan) |
| 4. JABATAN / KEMENTERIAN | : Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia |
-

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

TANGGAGAJI B.2 EB.3

- c. i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian dan lebih tinggi adalah satu kelebihan

TANGGAGAJI B.2

- i) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelia Penerbangan di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengan dalam Pengurusan dan Pentadbiran atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan sebagai Pramugara / Pramugari Tingkat I dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- d. Mestilah mengetahui protokol, bahasa dalam dan terasul serta adat istiadat Negara Brunei Darussalam.
